



**PERANG** sedang melanda di Timur Tengah, di mana darah mengalir deras, ratusan manusia terbunuh dan cedera angkara perbatasan darjiana Yahudi menceroiboh bumi umat Islam dan mencabar kesucian agama Islam.  
Di Kuala Lumpur semalam, pemimpin-pemimpin Islam dari negara-negara serantau Asia Tenggara dan Pasifik berhimpun, berbilang dan bermuafakat meningkatkan kerjasama di bidang dakwah serta memperkembangkan syiar Islam bagi menjamin kemajuan dan keutuhan umat dan agama Islam.  
Perhimpunan Agung Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAF) itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia mengutuk keras pencerobohan Israel ke atas Lebanon Selatan. Datuk Seri Dr. Mahathir menjafatkan negara itu sebuah kerajaan yang paling tidak bermoral di dunia.  
■ Foto KHALID REDZA.

Mereka cuma mahu hak untuk hidup dan mati cara sempurna

# Autonomi minoriti Islam: PM kesal

No. Siri ..... 2824  
No. Persewaan ..... 49/85

Oleh JAMILAH HAMID

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana kumpulan minoriti Islam di kebanyakan negara di dunia, tidak diberikan autonomi dan toleransi sebagaimana yang dinikmati oleh golongan minoriti bukan-Islam di negara-negara Islam.

Perdana Menteri menegaskan, kumpulan

minoriti Islam cuma mahukan toleransi dari kumpulan majoriti bukan-Islam. "Mereka hanya mahu hak untuk hidup, beribadat, mengamalkan cara hidup mereka, bekerja dan mati dengan cara sempurna."

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia dan Pasifik (RISEAF), beliau berkata golongan minoriti bukan-Islam di negara-negara Islam diberi autonomi dan toleransi dalam negara-negara Islam.

Perdana Menteri menggesa umat Islam yang menjadi kumpulan minoriti supaya jangan menganggap taraf minoriti mereka sebagai sesuatu yang negatif atau faktor penghalang.

Mereka, kata beliau, mestilah sedar tentang keadaan "sosial negara mereka sendiri dan mematuhi nilai-nilai keislaman, menerima yang baik dan menjuakn yang jahat.

Terdapat kira-kira 250 juta umat Islam di rantau Asia Tenggara dan Pasifik. Dan hanya di tiga buah negara saja, kata beliau, yang umat Islam menjadi majoriti penduduknya di rantau ini.

"Hampir 50 peratus umat Islam tinggal di negara-negara yang mana mereka menjadi minoriti," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, Indonesia adalah negara yang mempunyai paling ramai umat Islam di rantau ini. Sementara, dua negara lain ialah Malaysia dan Brunei.

Apa yang jelas, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, umat Islam di rantau ini sama ada golongan majoriti atau minoriti — mahu mengekalkan identiti Islam mereka.

Umat Islam, tegas beliau, sama ada minoriti atau majoriti di sebarang negara pun, punya peranan penting. Peranan itu tidak terhad ke perjuangan Islam saja, tetapi juga dalam konteks sebuah negara, malah masyarakat seluruhnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia